

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RMT 553 - PENGURUSAN PROJEK 2

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. a. Beri takrifan 'motivasi'?
b. 'Manusia bekerja semata-mata untuk mendapatkan wang.' Bincangkan ketepatan ayat ini dalam konteks:
(i) Buruh di tapak pembinaan
(ii) Jurutera dalam firma konsultan
(25 markah)

2. a. Jelaskan pengertian 'kumpulan'?
b. Bagaimanakah anda dapat mewujudkan pasukan projek yang benar-benar efektif yang terdiri daripada jurukur bahan, perancang bandar, pakar lanskap dan lain-lain konsultan.
(25 markah)

3. a. Berikan makna "kepimpinan".
b. 'Kepimpinan berkemungkinan satu komponen kritikal bagi pengurusan tapak yang baik tetapi berkemungkinan tidak sedemikian di dalam suasana pejabat firma konsultan'. Bincangkan.
(25 markah)

4. a. Muthu baru sahaja bekerja di sebuah firma pengurusan projek, selepas meninggalkan pekerjaan sebelumnya. Nasihatkan Muthu tentang taktik-taktik yang boleh beliau amalkan untuk meningkatkan dasar kuasanya di dalam organisasi baru ini.
b. Huraikan langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk mengurangkan atau menghapuskan kuasa orang lain ke atas anda.
(25 markah)

5. a. Jelaskan perbezaan di antara syarikat berorientasi 'pengeluaran' dan yang berorientasi 'pemasaran'.
b. Berikan sebab kenapa sebuah syarikat pembinaan, samada beroperasi di peringkat nasional atau antarabangsa, perlu merangka strategi pemasaran yang kukuh demi menjamin pertumbuhan; dengan mengambil kira faktor-faktor signifikan.

(25 markah)

6. a. Jelaskan proses menyusun (*organising*).

- b. Nyatakan kesusahan dan manfaat yang datangnya dengan mewujudkan struktur 'decentralised' di dalam organisasi pembinaan yang sedang berkembang.

(25 markah)

-oo000oo-

QUESTION PAPER

QUESTION PAPER

QUESTION PAPER

QUESTION PAPER

QUESTION PAPER

QUESTION PAPER

QUESTION PAPER